



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Berita Harian - Hasil Minyak Tidak Jamin Kelestarian Ekonomi Negara

Berita Harian - Hasil Minyak Tidak Jamin Kelestarian Ekonomi Negara

Khamis, Dis 21 2017

Hasil minyak tidak jamin
kelestarian ekonomi negara

Pertumbuhan ekonomi kita terus mapan sepanjang tempoh sukar dan perkembangan positif ini masih berlaku saban tahun"

Eric See-To Choong,
Timbalan Pengarah
Komunikasi Strategik
Barisan Nasional

Dasar kerajaan kurangkan kebergantungan petroleum dipuji

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arifebh.com.my
Kuala Lumpur

Kebergantungan terhadap kekayaan hasil galian, khususnya minyak tidak menjamin kelestarian kedudukan ekonomi negara tanpa pengurusan kewangan yang kukuh dan mapan.

Timbalan Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Eric See-To Choong, berkata harga minyak yang merudum sejak kebelakangan ini menyaksikan beberapa negara pengeluar hasil galian itu berdepan kekangan kewangan.

"Sebagai contoh, Arab Saudi ketika ini terpaksa menggunakan ri-

zabnya untuk menampung defisit bajet bagi mentadbir negara, sekali gus menyaksikan penyusutan nilai aset luar kepada AS\$485.9 bilion setakat Oktober lalu, berbanding AS\$737 bilion pada Ogos 2014.

"Langkah terdesak ini terpaksa dilakukan Kerajaan Arab Saudi susulan harga minyak mentah dunia yang semakin menjunam menjangkau kadar 80 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

UAE turut laksana GST

Choong berkata, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) turut akan melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkadarnya lima peratus menjelang penghujung tahun ini.

Berbanding Malaysia, katanya, GST negara terbabit bakal menyaksikan barangan keperluan seharian seperti makanan, petrol, elektrik, air dan caj telefon mudah alih dikenakan GST.

"Pelaksanaan GST di Arab Saudi dan UAE amat berbeza dengan Malaysia kerana kita memperuntukkan kadar GST sifar terhadap pelbagai barangan keperluan harian bagi meringankan bebanan masyarakat," katanya.

Choong berkata, Brunei yang ekonomi negaranya mempunyai kadar kebergantungan 60 peratus terhadap hasil petroleum dan 95 peratus bagi eksport, tidak terkecuali daripada templat kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Berikutan itu, katanya, perbelanjaan Kerajaan Brunei menurun kepada BND\$5.3 bilion pada 2017, berbanding BND\$7.3 bilion (2014), BND\$6.3 bilion (2015) dan BND\$5.6 bilion (2016).

"Potongan perbelanjaan ini menyaksikan penyusutan peruntukan penjagaan kesihatan, manfaat rakyat, gaji penjawat awam dan elau, selain pembekuan pengambilan pekerja.

Justeru, Brunei dan Arab Saudi ketika ini berada dalam kancah keawatan ekonomi berikutan penurunan harga minyak mentah dunia.

"Walaupun harga minyak mentah dunia menyusut hingga 80 peratus, kedudukan ekonomi Malaysia yang bergantung terhadap hasil galian berkenaan dan eksport tidak seteru negara lain.

"Situasi ini berbeza dengan zaman kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyaksikan Ma-

aysia hampir lumpuh dan berdepan keawatan ekonomi apabila industri utama negara seperti pasaran komoditi menghadapi kadar penurunan sehingga 50 peratus pada pertengahan 1980-an," katanya.

IMF, Bank Dunia puji Malaysia
Beliau berkata, ketuhan kedudukan ekonomi Malaysia adalah susulan pendekatan tuntas Datuk Seri Najib Razak dalam mengurangkan kadar kebergantungan terhadap hasil petroleum kepada 14 peratus, berbanding 44 peratus daripada pendapatan negara.

Choong berkata, langkah tepat demi menyelamatkan negara daripada ketidaktentuan harga pasaran minyak mentah dunia itu menyaksikan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia memuji Malaysia serta pelbagai dasar kerajaan.

"Harga petroleum pernah turun sehingga 80 peratus pada satu masa, namun Malaysia tidak berdepan keawatan.

"Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi kita terus mapan sepanjang tempoh sukar dan perkembangan positif ini masih berlaku saban tahun," katanya.

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

